

KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

600 SOALAN TATABAHASA

BONUS

- ✓ TIP BIJAK BAHASA
- ✓ PETA MINDA
- ✓ KOSA KATA

TAHUN 4 • 5 • 6



ULAIMAN MOIDEN
BDUL HAMID MOIDEN

READ RESOUR

Pilih kata perintah yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. "_____ buat air untuk kanak-kanak yang datang beraya," pesan ibu kepada kakak.

A. Jemput
B. Tolong
C. Sila
D. Usah



2. "_____ beratur ketika membeli makanan di kantin," kata pengawas bertugas itu.

A. Sila
B. Jemput
C. Jangan
D. Usah

5. "_____lah makan kuih-muih yang terhidang di atas meja itu," pelawa Puan Alina kepada tetamunya.

A. Usah
B. Tolong
C. Jangan
D. Jemput

3. "_____lah kamu bersedih lagi. Saya akan belikan kamu seekor anak kucing yang baharu," pujuk abang apabila kucing kakak mati dilanggar motosikal.

A. Sila
B. Minta
C. Usah
D. Jemput

6. "_____lah terlalu mengikut perasaan dalam membuat sesuatu keputusan. Fikirlah semasak-masaknya terlebih dahulu," pesan ibu kepada abang.

A. Jangan
B. Harap
C. Tolong
D. Minta


4. "_____ambil tempat masing-masing. Majlis akan bermula sebentar sahaja lagi," kata pengacara majlis itu.

A. Harap
B. Sila
C. Jangan
D. Usah

7. "_____duduk sebentar. Nama puan akan dipanggil sebentar lagi," kata staf yang duduk di kaunter hadapan Klinik Gigi Fatimah.

A. Jangan
B. Sila
C. Harap
D. Usah

8. "_____ berlakon lagi. Perbuatan kamu telah dirakam di kamera litar tertutup bank itu," gertak pihak polis yang sedang menyoal siasat suspek kes rompakan bank.
- Jangan
 - Sila
 - Minta
 - Harap
9. "_____lah datang ke rumah saya sekiranya abang mempunyai kelapangan," kata ayah kepada Pak Long.
- Jemput
 - Jangan
 - Harap
 - Usah
10. "_____ bimbang. Saya akan pastikan wang puan dikembalikan kepada puan secepat mungkin," kata seorang pegawai Bank Rakyat.
- Usah
 - Tolong
 - Minta
 - Harap
11. "_____ kamu semua dapat memberikan kerjasama yang baik walaupun saya hanyalah pekerja baharu di sini," kata Izzat.
- Jangan
 - Minta
 - Sila
 - Harap
12. "_____ perhatian. Diharapkan tuan puan dapat bersabar. Sidang media akan bermula sebentar sahaja lagi," kata setiausaha Menteri Pelancongan.
- Minta
 - Tolong
 - Harap
 - Usah
13. "_____ ambikan ayah segelas air," pinta ayah yang sedang menahan kesakitan.
- Jangan
 - Usah
 - Tolong
 - Harap



14. "_____ semua pelajar yang masih berada di luar untuk masuk ke kelas masing-masing dengan kadar segera," kata Cikgu Sulaiman.
- Tolong
 - Minta
 - Usah
 - Jangan
15. "_____ dikenang lagi peristiwa sedih itu," pesan Ahmad kepada Azmin.
- Minta
 - Usah
 - Tolong
 - Sila
16. "_____ kosongkan tempat kamu secepat mungkin kerana pekerja baharu yang akan menggantikan

tempat kamu akan tiba sebentar lagi," ujar Dato' Ahmad.

- A. Tolong
- B. Jangan
- C. Harap
- D. Usah

17. "_____ bermain basikal di luar rumah tanpa pengawasan ibu atau ayah," pesan ibu kepada adik.

- A. Tolong
- B. Minta
- C. Sila
- D. Jangan

18. "_____ kamu memandang rendah pada pelajar miskin itu. Dia lebih pintar berbanding kita semua," ujar Islah kepada rakan-rakan sekelasnya.

- A. Tolong
- B. Sila
- C. Jangan
- D. Minta

19. "_____ belikan ibu beberapa biji bawang merah dan bawang putih jika kamu hendak ke pasar," pesan ibu kepada abang.

- A. Tolong
- B. Jangan
- C. Minta
- D. Harap

20. "_____ berkawan dengan budak-budak nakal yang sering membuat onar itu," ujar Cikgu Salman.

- A. Tolong
- B. Harap
- C. Minta
- D. Jangan

TIP BIJAK BAHASA

☒ Salah

☒ Betul

para hadirin sekalian	para hadirin
kedua – dua sungai	kedua – dua batang sungai
goreng pisang	pisang goreng